

# Sukma: MSN senarai Muay Thai, woodball

KUALA LUMPUR - Acara Muay Thai dan woodball akan diperkenalkan pada Sukan Malaysia (Sukma) Ke-16 di Lembah Klang dari 28 Jun hingga 7 Julai ini.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Seri Zolkples Embong berkata, kedua-dua acara itu mendapat sambutan memberangsangkan sejak kebelakangan ini walaupun acara woodball tidak mendapat penyertaan cukup pada Sukma 2011.

"MSN memilih acara itu berdasarkan bilangan persatuan serta atlet dalam dua acara itu di setiap negeri," katanya pada sidang media sempena 100 hari menjelang Sukma 2013 di Kompleks Sukan Bukit Jalil, di sini semalam.

MSN juga akan memperkenalkan bola sepak pantai.

Katanya, sebanyak 20 acara akan dipertandingkan tahun ini dengan penyertaan seramai 7,000 atlet dan pegawai daripada 14 buah negeri.

Antara acara sukan ialah akua-tik (polo air dan renang berirama), bina badan, bola baling, bola jaring, bola keranjang, bola sepak, bola tampar (pantai dan dewan), equestrian, judo, kabadi, kriket, gimnastik dan lawan pedang.

Zolkples berkata, Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai perkampungan sukan kerana lokasinya berhampiran venue pertandingan.

Beliau berkata, kos penganjuran Sukma ke-16 tidak melepasi anggaran RM9 juta, sama seperti pada edisi lepas.

Beliau berkata, bagi mengelak masalah pertindihan pendaftaran atlet, MSN akan memperkenalkan sistem mesyuarat pendaftaran pra delegasi iaitu sistem yang digunakan pada temasya sukan bertaraf dunia.

"Kita ingin menjimatkan masa dan tenaga agar urusan pendaftaran atlet dan acara sukan dapat diproses sebelum mesyuarat pengurus pasukan yang diadakan sebelum kejohanan," katanya. - BERNAMA